

24/03/1999

Pemuda beri amaran kepada penghasut

KUALA LUMPUR, Selasa - Pergerakan Pemuda Umno memberi amaran kepada parti pembangkang serta kumpulan tertentu supaya tidak bermain dengan api dalam keghairahan mereka mencipta populariti dan meraih simpati menjelang pilihan raya umum sehingga sanggup menghasut rakyat membunuh Perdana Menteri dan pemimpin Umno lain.

Pemangku Ketuanya, Datuk Hishamuddin Hussein, menyifatkan tindakan golongan penyebar fitnah seperti 'melempar batu sembunyi tangan', iaitu mencari jalan mudah untuk meraih simpati dengan harapan untuk memperolehi sokongan rakyat.

"Sikap toleransi dan berlemah lembut kerajaan ada had dan batasnya. Pemuda Umno sekali lagi ingin memberi amaran kepada golongan yang sentiasa mengambil peluang sebegini untuk menghentikan kegiatan mereka.

"Pemuda Umno tidak akan berkompromi dengan usaha yang boleh mengancam keselamatan negara," katanya.

Menurutnya, pendedahan yang dibuat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Paduka Ibrahim Ali, jelas menunjukkan mereka yang tidak bertanggungjawab ini sanggup menghalalkan cara semata-mata mahu menumbangkan Kerajaan yang dipilih oleh rakyat secara demokrasi.

"Pendedahan ini adalah suatu yang amat serius dan mengejutkan. Kebelakangan ini, golongan berkenaan bukan saja sanggup mencipta fitnah serta dakyah memburuk-burukkan kepemimpinan.

"Malah, keghairahan mereka sudah mencapai tahap menghasut rakyat bertindak lebih ekstrim (melampau).

"Jelas sekali fitnah yang dilemparkan terhadap kerajaan dan pemimpinnya kini bukan lagi bersifat politik, tetapi sudah bertukar menjadi hasutan yang amat berbahaya dan dikhuatiri boleh menggugat keselamatan negara," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno minggu lalu sudah membincangkan dengan serius mengenai penyebaran fitnah, termasuk ugutan untuk membunuh pemimpin tertentu.

Justeru, MT yang dipengerusi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah melantik panel peguam peringkat MT dan sebuah pasukan bertindak yang turut dianggotai Hishamuddin bagi menangani masalah membabitkan penyebaran fitnah yang kini berlaku secara berleluasa.

Jumaat lalu, Ibrahim yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan kedua-dua jawatankuasa peringkat MT itu membuat laporan polis berhubung pita rakaman yang didakwa mengandungi arahan pihak tertentu supaya membunuh pemimpin tertentu.

Setakat ini, polis Kelantan sudah memanggil lima saksi bagi membantu siasatan berhubung aduan mengenai pita berkenaan.

Hishamuddin berkata, perkembangan terbaru ini tidak mewujudkan keadaan demokrasi yang sihat dan hanya mendedahkan pihak pembangkang kini tidak lagi mempunyai kewibawaan.

Malah, katanya, tindakan pembangkang itu juga bertentangan dengan desakan untuk mewujudkan ketelusan demokrasi yang mereka laung-laungkan selama ini.

"(Bagaimanapun) Pemuda Umno yakin rakyat tidak akan mudah termakan hasutan dan propaganda seperti ini.

"Malah, keyakinan ini sewajarnya kita terjemahkan dalam bentuk mandat yang berterusan kepada kerajaan dan kepemimpinannya dalam pilihan raya akan datang," katanya.

(END)